

FAHAMAN TAHUN 5

Arahan : Baca petikan karangan dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

LIMAU SUMBER VITAMIN C



Nama saintifiknya ialah *Citrus Aurantifilio*. Limau mempunyai banyak khasiat yang baik untuk kesihatan tubuh badan kita. Buah limau mempunyai vitamin C, kalsium, potassium dan zat besi. Sejumlah zat galian dan potassium yang terdapat pada buah limau dapat membantu mengatur tekanan darah dan fungsi jantung selain melancarkan sistem saraf.

Tentu ada di antara kita yang gemar minum teh lemon ais atau kesturi sejuk. Bahan yang digunakan untuk membuat minuman tersebut adalah buah limau yang dicampur dengan sedikit gula. Buah limau ada yang manis dan masam. Antara limau yang terdapat di negara kita adalah limau mandarin, limau manis, limau kesturi, limau purut, limau nipis, limau kapas dan limau besar.

Di negara kita, buah limau boleh dibeli di pasar raya, kedai runcit, gerai dan tamu. Limau jenis manis sesuai dibuat jus dan jem. Limau jenis masam boleh dijadikan sebagai cecair menghilangkan bau hanyir setelah menyiang ikan.

Meminum air limau setiap hari dapat meningkatkan daya tahan tubuh dari serangan virus. Selain itu, limau juga boleh dijadikan ubat batuk. Caranya ialah dengan mencampurkan sedikit kicap dan garam ke atas limau sebelum memakannya.

Soalan :

1. Apakah nama saintifik bagi buah limau?

Nama saintifik bagi buah limau ialah _____.

2. Apakah vitamin dan zat galian yang terdapat dalam buah limau?

Vitamin dan zat galian yang terdapat dalam buah limau ialah _____.

3. Sejumlah zat galian dan potassium yang terdapat pada buah limau dapat membantu apa?

Sejumlah zat galian dan potassium yang terdapat pada buah limau dapat membantu _____.

4. Apakah minuman yang menjadi kegemaran kita?

Minuman yang menjadi kegemaran kita ialah _____.

5. Apakah bahan-bahan yang digunakan untuk membuat minuman tersebut?

Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat minuman tersebut adalah _____.

6. Nyatakan limau-limau yang terdapat di negara kita?

Antara limau-limau yang terdapat di negara kita adalah limau mandarin, limau manis, limau kesturi, _____, limau nipis, limau kapas dan limau besar.

7. Di manakah kita boleh membeli buah limau?

Kita boleh membeli buah limau di pasar raya, _____, gerai dan tamu.

8. Limau jenis apakah yang sesuai dibuat jus dan jem?

Limau jenis _____ yang sesuai dibuat jus dan jem.

9. Limau jenis masam pula boleh dijadikan apa?

Limau jenis masam boleh dijadikan sebagai _____menghilangkan bau hanyir setelah menyiang ikan.

10. Apakah yang akan berlaku jika meminum air limau setiap hari?

Meminum air limau setiap hari dapat _____
_____.

(10 markah)